

## **Ucapan Perasmian**

**Y.Bhg. Puan Maimunah Mohd Sharif  
Yang DiPertua, MPSP**

**Sempena Mesyuarat Agung  
Koperasi Pekerja MPSP Berhad  
(KOSPEMA) Kali Ke-8**

**Pada 16 Disember 2011  
(Jumaat)**

Bismillah-hirrahmanirrahim

Yang Berbahagia, Encik Shahrulnizad bin Abdul Razak, Pengerusi Koperasi Pekerja MPSP Berhad, Naib Pengerusi Encik Muhamad bin Saad, Setiausaha Koperasi Tuan Haji Jamaludin bin Mat, Anggota-anggota Lembaga Koperasi, Tuan-Tuan Dan Puan-Puan Anggota Koperasi Yang Saya Hormati Sekalian. Assalamualaikum Warahmatullahi Wabaraktuh Dan Salam Sejahtera.

1. Pertama sekali marilah kita panjatkan kesyukuran ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan limpah kurnia serta izin NYA kita dapat bersama-sama hadir pada majlis petang ini. Saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan terima kasih kepada pengerusi dan anggota lembaga kerana telah menjemput saya untuk merasmikan mesyuarat agung Koperasi Pekerja MPSP yang ke 8 ini.

2. Saya juga ingin merakamkan ucapan tahniah dan syabas kepada anggota lembaga, dan seluruh anggota koperasi kerana telah berjaya melaksanakan tugas dan tanggung jawab dengan mengadakan mesyuarat agung tahunan mengikut masa yang telah ditetapkan.

Para Hadirin Yang Dihormati Sekalian,

3. Sepertimana yang saudara-saudari sedia maklum, koperasi adalah satu pertubuhan yang bermatlamat untuk meningkatkan kepentingan ekonomi para anggotanya dengan menyediakan kemudahan dan perkhidmatan yang diperlukan oleh anggotanya. Berdasarkan prinsip-prinsip koperasi, asas kepada setiap koperasi adalah keanggotaannya.

4. Saya telah dimaklumkan bahawa keanggotaan koperasi kini adalah seramai 396 orang di samping memiliki jumlah yuran dan syer hampir RM 500 ribu. Selain itu, saya juga turut dimaklumkan bahawa keanggotaan dan modal syer dijangkakan akan terus meningkat pada tahun-tahun yang akan datang memandangkan koperasi kini sedang giat mengadakan kempen keahlian di samping menyediakan pelbagai aktiviti yang merangkumi aktiviti kebajikan dan sosial, pinjaman, lawatan dan sebagainya.

5. Saya difahamkan, untuk aktiviti kebajikan, koperasi menyediakan dermasiswa kepada anak-anak anggota yang mendapat keputusan yang cemerlang dalam sesuatu peperiksaan. Bagi aktiviti pinjaman koperasi menyediakan sebanyak 7 jenis kemudahan pinjaman kepada anggota yang berkelayakan dengan mengenakan kadar 4% sahaja, manakala pinjaman untuk pendidikan dan persekolahan anak-anak anggota adalah pada kadar 2% sahaja. Saya juga difahamkan ini merupakan kadar yang paling rendah jika dibandingkan dengan mana-mana koperasi di negara ini.

6. Oleh yang demikian, apa juga tujuan dan urusan hal ehwal koperasi, kepentingan serta keperluan anggota mestilah diutamakan terlebih dahulu. Aktiviti- aktiviti yang dikendalikan perlulah menepati matlamat koperasi dan dipersetujui anggota-anggotanya. Sekali lagi syabas, saya ucapkan.

7. Saya percaya, pencapaian ini adalah hasil daripada sokongan padu yang telah diberikan oleh seluruh anggota kepada koperasi terutamanya di dalam melangani produk-produk yang disediakan oleh koperasi. Adalah menjadi harapan saya agar sokongan ini dapat diteruskan demi menjamin kejayaan dan keunggulan koperasi.

8. Koperasi adalah wadah kepada aktiviti ekonomi dari segi falsafah, matlamat dan tujuan, serta hubungannya dengan masyarakat. Berbeza dengan sektor swasta yang berniaga dan bergerak atas modal pelabur yang memilikinya, koperasi bergerak dan berniaga atas sokongan para anggotanya. Sebagai satu organisasi, koperasi dipunyai oleh anggota, dikawal secara demokrasi di kalangan anggota dan aktiviti koperasi dilangani oleh anggota sendiri. Justeru itu, kita dapat melihat masa depan gerakan koperasi banyak bergantung kepada anggota-anggotanya. Maju dan mundur sesebuah koperasi adalah bergantung kepada sumbangan dan penyertaan anggota-anggotanya di dalam aktiviti-aktiviti yang dijalankan.

9. Saya ingin mengambil peluang ini untuk menegaskan di sini bahawa tuan-tuan dan puan-puan sebagai anggota koperasi mempunyai tanggungjawab berat yang perlu dilaksanakan secara lebih berkesan. Koperasi adalah milik anda. Sikap tolong menolong, bekerjasama, semangat kekitaan dan sayangkan koperasi perlu ada di dalam diri setiap anggota.

Penyertaan anggota perlu diiringi dengan sikap penuh komitmen dan dedikasi. Saya pasti sikap dan semangat sedemikian boleh menghindarkan sebarang gejala buruk yang mungkin berlaku di dalam koperasi.

Saya sebagai YDP akan sentiasa memberi sokongan yang padu kepada KOSPEMA. Sekiranya ada apa-apa masalah, pintu pejabat saya sentiasa terbuka kepada KOSPEMA.

10. Koperasi juga perlu mempunyai kepimpinan yang jujur, dinamik dan progresif. Kepimpinan ini harus berupaya membawa koperasi dari takuk yang lama dan pemikiran zaman lalu, ke tahap yang lebih moden, maju dan cemerlang. Pemimpin-pemimpin koperasi perlu sedia mengamalkan kaedah terbaik ("best practices") di dalam setiap aspek koperasi. Ini adalah tugas dan tanggungjawab para pemimpin koperasi. Sebaliknya, tugas dan tanggungjawab para anggota koperasi adalah untuk memilih dan melantik pemimpin yang berkebolehan dan berwibawa. Setelah pemimpin dilantik, tugas dan tanggungjawab para anggota adalah untuk memantau dan menilai kepimpinan koperasi, agar kepimpinan tersebut sentiasa menepati kehendak dan citarasa para anggota. Setiap anggota koperasi perlu memainkan peranan yang aktif dalam pembangunan koperasi ini.

11. Ingatlah, koperasi ditubuhkan untuk memenuhi keperluan anggota-anggotanya. Oleh itu, terpulanglah kepada para anggota untuk menjaga kepentingan diri serta kepentingan koperasi itu. Saya bagi pihak MPSP akan berusaha membantu koperasi dalam melihat peluang-peluang yang boleh dimanfaatkan oleh KOSPEMA.

12. Akhir kata, saya ingin mengambil kesempatan ini untuk sekali lagi mengucapkan syabas dan setinggi-tinggi tahniah kepada semua anggota lembaga di atas perkhidmatan yang telah diberikan sepanjang tahun. Anggaphlah kejayaan hari ini sebagai satu cabaran untuk kita lebih cemerlang di masa hadapan.

Sekian, Dengan lafaz bismillah-hirrahmanirrahim saya merasmikan mesyuarat agung koperasi pekerja MPSP Berhad (KOSPEMA) yang ke 8.  
Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabaraktuh